

KARNIVAL PENDIDIKAN PLATFORM TERBAIK LAHIRKAN KECEMERLANGAN PELAJAR PRA SEKOLAH



Labuan, 23 Ogos 2025 – Karnival Kecemerlangan Pendidikan menjadi platform terbaik bagi pelajar pra sekolah memupuk keyakinan diri, membina bakat terpendam dan menanam minat terhadap pembelajaran.

Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan Yahya Ahmad Puteh berkata kanak-kanak pra sekolah ini adalah generasi pelapis yang bakal mencorakkan masa depan negara.

Ini kerana melalui program seperti karnival ini merupakan manifestasi kesungguhan Kementerian Pendidikan Malaysi dalam melahirkan generasi pewaris bangsa yang holistik. Di samping membentuk para pelajar yang berdaya saing dan seimbang dari segi intelek, emosi, rohani serta jasmani.

Selain itu, penganjuran karnival ini untuk mencungkil bakat anak-anak pra sekolah, memberi pendedahan awal

tentang kepentingan penglibatan dalam kokurikulum serta menyediakan kemahiran insaniah untuk melangkah ke alam persekolahan.

Seterusnya para pelajar dapat belajar erti persaingan sihat, semangat berpasukan dan disiplin diri.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Karnival Kecemerlangan Pendidikan 2025 peringkat Labuan di Kompleks Ujana Kewangan Labuan.

Pada karnival itu pelbagai aktiviti dilaksanakan antaranya Pertandingan Tarian Lagu Rakyat, Pertandingan Mutiara Hadis, Fantasi Si Cilik dan Pertandingan “Kita Serupa” bagi pelajar Pendidikan khas.

SK Lubok Temiang dinobatkan Johan pertandingan tarian lagu rakyat sekali gus menjadi juara keseluruhan karnival itu yang melibatkan 14 buah sekolah rendah pra sekolah di sini.

Hadir sama Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan Jabatan Pendidikan Labuan, Sawal Salleh.

Sumber Berita : FB BES Labuan













